A **TAN TUAN PING**

lwn.

PP

B MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU
SAMSUDIN HASSAN PK
[PERBICARAAN JENAYAH NO: 42S-32-2010]
20 OGOS 2011

C ***PROSEDUR JENAYAH:*** *Hukuman - Rayuan terhadap - Perayu bertindak sebagai orang tengah bagi aktiviti persundalan - Sama ada keterangan saksi SP1 mencukupi menunjukkan perayu bertindak sebagai orang tengah - Sama ada pergerakan SP1 di bawah kawalan perayu - Sama ada perayu menerima wang hasil dari persundalan SP1 - Sama*
D *ada terdapat kekhilafan dalam keputusan mensabitkan perayu - Sama ada hukuman Mahkamah Sesyen terlalu berat - Sama ada hukuman patut dikekalkan*

E Perayu telah dituduh dengan pertuduhan pindaan di bawah s. 372(1)(f) Kanun Keseksaan kerana didapati bertindak sebagai orang tengah bagi persundalan ke atas SP1, suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen yang sama. Di akhir kes perbicaraan, Mahkamah Sesyen memutuskan bahawa pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes melampaui keraguan
F munasabah bagi pertuduhan pindaan tersebut. Dengan itu, perayu didapati bersalah dan disabitkan dengan pertuduhan. Beliau dijatuhkan hukuman penjara enam tahun dari tarikh sabitan dan denda RM10,000 jika tidak dibayar 12 bulan penjara. Perayu tidak berpuas hati dan memfailkan rayuan ke atas keseluruhan keputusan
G tersebut. Peguambela terpelajar menghujahkan bahawa terdapat kekhilafan pada keputusan Hakim Mahkamah Sesyen apabila memutuskan perayu adalah orang tengah bagi SP1 bagi tujuan persundalan sedangkan SP1 sendiri di dalam keterangannya mengakui beliau melakukan seks dengan pelanggan yang dikenalinya
H di sebuah pub, iaitu Sakura Pub Lounge atas kerelaannya. Seterusnya, peguambela juga menghujahkan tiada langsung keterangan menunjukkan perayu ada menerima wang hasil dari persundalan SP1.

I **Diputuskan (menolak rayuan perayu):**

(1) Keterangan SP1 menjelaskan bahawa perayu adalah orang yang bertanggungjawab menguruskannya di mana SP1 mengesahkan bahawa dia tidak boleh keluar rumah tanpa

kebenaran perayu. Kunci rumah dipegang oleh perayu dan pasport SP1 juga dalam simpanan perayu. Perayulah yang menyediakan kenderaan dan pemandu untuk SP1. Sekaligus, pergerakan SP1 adalah di bawah kawalan perayu. Malahan, SP1 juga telah mengakui perayu yang memberinya kerja di 'Sakura Pub' di mana di sana antara kerjanya adalah sebagai pelacur. Hubungan SP1 dengan perayu adalah 'tauke' dan 'anak buah.' Keterangan SP1 ini mencukupi untuk menunjukkan bahawa perayu telah bertindak sebagai orang tengah. (perenggan 27)

(2) Perayu yang telah memberi tempat tinggal, makan dan minum, pengangkutan serta pemandu dan pekerjaan kepada SP1 tanpa bayaran adalah tergolong di dalam elemen 'in kind.' Justeru, isu wang pelacuran yang dibangkitkan oleh perayu adalah tidak timbul lagi dan meleset sama sekali. (perenggan 29)

(3) Tiada kekhilafan dalam keputusan mensabitkan perayu. Begitu juga hukuman oleh Mahkamah Sesyen adalah tidak eksesif dan ianya adalah wajar memandangkan kedua-dua fakta mitigasi dan fakta yang boleh memberatkan hukuman telah pun diberi pertimbangan secukupnya. Oleh itu, hukuman Hakim Mahkamah Sesyen yang dikenakan ke atas perayu adalah dikekalkan. (perenggan 30)

Kes-kes yang dirujuk:
Balachandran v. PP [2005] 1 CLJ 85 FC ***(dirujuk)***
Dalip Bhagwan Singh v. PP [1997] 4 CLJ 645 FC ***(dirujuk)***
Lee Kwai Heong & Anor v. PP [2006] 1 CLJ 1043 CA ***(dirujuk)***
Miller v. Minister of Pensions [1947] 2 All ER 372 ***(dirujuk)***
Mohamad Radhi Yaakob v. PP [1991] 3 CLJ 2073; [1991] 1 CLJ (Rep) 311 SC ***(dirujuk)***
PP lwn. Lee Chee Kien [2007] 10 CLJ 465 HC ***(dirujuk)***
PP v. Saimin & Ors [1971] 1 LNS 115 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, ss. 173(h)(ii), 182A
Penal Code, ss. 372(1)(f), (3), 373(1)(a),

Bagi pihak perayu - Mazri Mohamed; T/n KL Chee & Co
Bagi pihak responden - Farah Ezlin Yusop Khan; TPR

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

A

PENGHAKIMAN

Samsudin Hassan PK:

Pendahuluan

B **[1]** Perayu pada asalnya dituduh kerana didapati mengurus rumah persundalan iaitu suatu kesalahan di bawah s. 373(1)(a) Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama. Pertuduhan yang dikemukakan adalah seperti berikut:

C

> Bahawa kamu pada 18.12.2005 jam lebih kurang 10.00 malam di Sakura Pub Lounge No. 59, 59A, 61 dan 61A, Jalan Sutera, Taman Sentosa, dalam Daerah Johor Bahru di dalam Negeri Johor Darul Takzim telah didapati mengurus rumah persundalan, dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 373(1)(a) Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama.

D

[2] Perayu tidak mengaku bersalah dan minta dibicarakan.

[3] Di akhir kes pendakwaan setelah mendengar keterangan saksi-saksi serta bukti-bukti yang dikemukakan, mahkamah mendapati satu kes '*prima facie*' telah berjaya dibuktikan bagi kesalahan di bawah s. 372(1)(f) Kanun Keseksaan dan lantas mahkamah telah meminda pertuduhan selaras dengan peruntukan di bawah s. 173(h)(ii) Kanun Tatacara Jenayah (KTJ).

E

F **[4]** Pertuduhan pindaan ke atas perayu adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 18.12.2005 jam lebih kurang 10.00 malam di Sakura Pub Lounge No. 59, 59A, 61 dan 61A, Jalan Sutera, Taman Sentosa, dalam daerah Johor Bahru di dalam Negeri Johor Darul Takzim telah didapati bertindak sebagai orang tengah bagi persundalan ke atas Ninik Nurdianani (SP1) dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 372(1)(f) Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama.

G

H **[5]** Setelah dibacakan pertuduhan pindaan ini, perayu faham akannya dan tidak mengaku bersalah. Seterusnya perayu diarah untuk membela diri terhadap pertuduhan pindaan tersebut.

[6] Di akhir perbicaraan, mahkamah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah bagi pertuduhan pindaan untuk kesalahan di bawah s. 372(1)(f) Kanun Keseksaan ke atas perayu. Dengan itu, perayu

I

didapati bersalah dan disabitkan dengan pertuduhan. Beliau dijatuhkan hukuman penjara enam tahun dari tarikh sabitan dan denda RM10,000 jika tidak bayar 12 bulan penjara.

[7] Perayu tidak berpuas hati dan memfailkan rayuan ke atas keseluruhan keputusan tersebut.

Fakta Ringkas Kes

[8] Fakta ringkas kes adalah seperti berikut:

> Pada 18.12.2005 jam lebih kurang 10.00 malam, sepasukan polis telah membuat serbuan di Sakura Pub Lounge di Jalan Sutera, Taman Sentosa, Johor Bahru.
>
> Sewaktu serbuan, Perayu berada di dalam pub tersebut dan ditahan bersama beberapa wanita warganegara asing.
>
> Keterangan Ninik Nurdianani ("SP1") iaitu salah seorang warga asing yang telah datang ke Malaysia adalah seorang pelacur yang bekerja di pub tersebut. SP1 telah juga memberikan keterangan bahawa Perayu adalah orang yang bertanggungjawab menjaganya, memberi makan minum, memberi tempat tinggal dan pengangkutan kepadanya untuk tujuan persundalan.

Kes 'Prima Facie'

[9] Makna '*prima facie*' telah dihuraikan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Dalip Bhagwan Singh v. PP* [1997] 4 CLJ 645, di ms. 659 seperti yang berikut:

> The meaning of the test of *prima facie* case at the end of the prosecution's case is, 'on the assumption that the prosecution evidence was accurate, could the accused be lawfully convicted? The word 'accurate' could mean or should mean 'true' and the words 'prosecution evidence' could be said to refer to the evidence of 'primary facts' which could logically refer to evidence or evidence sufficient enough to prove each ingredient of an offence. Once there is sufficiency of such evidence, so long as it is not inherently incredible, a *prima facie* case is made out. Therefore, the test of *prima facie* case would not entitle one to assess the veracity or credibility of evidence of witnesses as the session had done.

Penjelasan maksud 'primary facts' dan 'inherently incredible' dinyatakan dalam kes yang sama di ms. 659 seperti berikut:

> Such evidence of primary facts could logically refer to evidence or evidence sufficient enough to prove each ingredient of an offence, such as death as one of the ingredients in a murder case. Once there is sufficiency of such evidence, so long as it is not inherently incredible such as the landing of a flying saucer from outer space on Dataran Merdeka in Kuala Lumpur, a *prima facie* case is made out.

[10] Rujukan juga dibuat kepada kes Mahkamah Persekutuan iaitu *Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85 di ms. 99 yang mana YA Augustine Paul JCA telah menyatakan, antara lainnya, seperti berikut:

> ...A *prima facie* case is therefore one that is sufficient for the accused to be called upon to answer. This in turn means that the evidence adduced must be such that it can be overthrown only by evidence in rebuttal.

Sama Ada Kes '*Prima Facie*' Telah Dibuktikan Bagi Pertuduhan Pindaan

[11] Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana telah berpuas hati di akhir kes pendakwaan, mendapati responden berjaya membuktikan kes '*prima facie*' bagi pertuduhan pindaan dan perayu dipanggil untuk membela diri. Keterangan yang memenuhi elemen s. 372(1)(f) Kanun Keseksaan adalah melalui SP1 sendiri.

[12] Elemen di bawah s. 372(1)(f) Kanun Keseksaan adalah seperti berikut:

(i) Perayu bertindak sebagai orang tengah bagi SP1; dan

(ii) Sebagai orang tengah bagi SP1, perayu menolong atau bersubahat atau mengawal persundalan SP1.

[13] Keterangan SP1 telah memenuhi elemen di atas iaitu apabila kali pertama tiba di Malaysia, perayu adalah orang yang bertanggungjawab membawanya ke rumah (sepertimana dalam pertuduhan pindaan). Sewaktu bertemu perayu kali pertama, pasport SP1 telah diserahkan kepada perayu.

[14] Di rumah tersebut, SP1 ditempatkan bersama-sama Anom Phon ("SP2") dan beberapa wanita warga asing yang lain. Di sana, segala urusan makan minum kesemua wanita termasuk SP1 adalah diuruskan oleh perayu. Malahan, SP1 juga telah mengakui perayu yang memberinya kerja di 'Sakura Pub' di mana antara kerjanya adalah sebagai pelacur. SP1 menjelaskan hubungannya dengan perayu adalah 'tauke' dan 'anak buah'. Segala gerak geri SP1 adalah di bawah kawalan perayu dan kunci rumah berada dengan perayu. Sekiranya SP1 hendak keluar, perayu akan sediakan pemandu.

[15] Setelah pertuduhan pindaan dibacakan, perayu yang telah memahami pertuduhan telah meminta bicara. Kes pembelaan seterusnya telah dijalankan dan satu-satunya saksi pihak pembelaan ialah perayu sendiri.

[16] Di tahap kes pihak pembelaan, adalah perlu untuk pihak pembelaan menimbulkan keraguan munasabah.

Versi Kes Pembelaan

[17] Versi kes pembelaan adalah seperti berikut:

(1) Perayu telah menyatakan bahawa pekerjaan beliau adalah jurujual Amway (direct selling) semasa ditangkap pada 18 Mei 2005. Pada malam tarikh tersebut, Perayu telah ke 'Sakura Pub' di Taman Sentosa untuk pergi minum bersama-sama kawannya.

(2) Perayu mengenali SP1 sebagai seorang yang pernah minum bersama-samanya di pub tersebut. Menurutnya, beliau tidak mengenali nama sebenar SP1 dan tidak pernah juga menjadi orang tengah untuk mendapatkan pelanggan bagi khidmat seks oleh mangsa, Perayu hanya pernah membelikan makanan untuk SP1 apabila diminta oleh SP1.

(3) Menurut Perayu lagi pada hari beliau ditangkap oleh polis, beliau sedang minum bersama-sama dengan SP1 di dalam bilik bersama-sama rakannya yang lain.

Sama Ada Pembelaan Berjaya Menimbulkan Keraguan Munasabah

[18] Di peringkat ini, mahkamah bersandarkan pada peruntukan di bawah s. 182A Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) yang memperuntukkan tugas mahkamah di akhir kes pembelaan. Dan mahkamah ini juga sedia maklum bahawa sungguhpun pihak

pendakwaan mempunyai beban membuktikan kes melampaui keraguan munasabah namun tugas pihak pembelaan adalah untuk menimbulkan keraguan yang munasabah sahaja. Di dalam kes Mahkamah Agung *Mohamad Radhi Yaakob v. PP* [1991] 3 CLJ 2073; [1991] 1 CLJ (Rep) 311, di ms. 315:

> It is a well established principle of Malaysian criminal law that the general burden of proof lies throughout the trial on the prosecution to prove beyond reasonable doubt the guilt of the accused for the offence with which he is charged. There is no similar burden on the accused to prove his innocence. He is presumed innocent until proven guilty. To earn an acquittal, he merely has to cast a reasonable doubt.

Apakah Maksud Keraguan Munasabah

[19] Maksud keraguan munasabah ("reasonable doubt") telah dijelaskan di dalam kes tersohor di mana seperti kata Lord Denning J dalam kes *Miller v. Minister of Pensions* [1947] 2 All ER 372 yang telah menghuraikan standard pembuktian yang dikehendaki seperti berikut:

> That degree is well settled. It need not reach certainty, but it must carry a high degree of probability. Proof beyond reasonable doubt does not mean proof beyond the shadow of a doubt. The law would fail to protect the community if it admitted fanciful possibilities to deflect the course of justice. If the evidence is so strong against a man as to leave only a remote possibility in his favour which can be dismissed with the sentence "of course it is possible, but not in the least probable", the case is proved beyond reasonable doubt, but nothing short of that will suffice.

[20] Dalam kes *Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85, di ms. 100:

> As the accused can be convicted on the *prima facie* evidence it must have reached a standard which is capable of supporting a conviction beyond reasonable doubt. However it must be observed that it cannot, at that stage, be properly described as a case that has been proved beyond reasonable doubt. Proof beyond reasonable doubt involves two aspects. While one is the legal burden on the prosecution to prove its case beyond reasonable doubt the other is the evidential burden on the accused to raise a reasonable doubt …

[21] Telah diputuskan di dalam kes *PP v. Saimin & Ors* [1971] 1 LNS 115 yang mana Sharma J berkata:

A reasonable doubt must be a doubt arising from the evidence or want of evidence and cannot be an imaginary doubt or conjecture unrelated to evidence.

Adakah Versi Pembelaan Ini Menimbulkan Keraguan

[22] Hakim Mahkamah Sesyen telah mendapati keterangan/versi pembelaan ini adalah penafian semata-mata.

[23] Saya telah menilai keterangan ini secara keseluruhan dan mendapati sememangnya keterangan/versi pembelaan ini hanyalah penafian semata-mata dan nas undang-undang berkaitan penafian semata-mata ini memutuskan ianya tidak boleh dipertimbangkan sebagai pembelaan. Di dalam kes *Lee Kwai Heong & Anor v. PP* [2006] 1 CLJ 1043, telah diputuskan di Mahkamah Rayuan Putrajaya bahawa:

(10) The evidence of the second appellant was nothing more than a bare denial of his involvement in the commission of the offence. And in the process of making his denial the second appellant contradicted the evidence of some of the witnesses called by the first appellant and the prosecution. Thus there was no basis to say that the bare denial by the second appellant had raised reasonable doubt in the prosecution's case. (para 41 & 43)

(11) The defence had not raised any reasonable doubt in the prosecution's case and that the prosecution had proved its case beyond reasonable doubt that the appellants were guilty as per charge. (para 44)

[24] Dan atas prinsip yang dinyatakan di atas itu maka wajarlah perayu disabitkan di akhir kes pembelaan dan dikenakan hukuman enam tahun penjara dari tarikh sabitan iaitu 29 Jun 2010 dan denda RM10,000, gagal bayar akan dikenakan 12 bulan penjara.

Rayuan Perayu Terhadap Keputusan

[25] Peguambela terpelajar telah menghujahkan kekhilafan dalam keputusan Hakim Mahkamah Sesyen apabila memutuskan perayu adalah orang tengah bagi SP1 bagi tujuan persundalan sedangkan keterangan SP1 sendiri mengakui beliau melakukan seks dengan pelanggan yang dikenalinya di Sakura Pub Lounge atas kerelaan dirinya. Tiada sebarang keterangan untuk menunjukkan hubungan seksual antara SP1 dengan mana-mana pelanggan telah diadakan di rumah mahu pun di pub SP1 bekerja kerana keterangan SP1 mengesahkan sekiranya melakukan hubungan seksual, ia akan dilakukan di hotel.

[26] Peguambela juga menghujahkan tiada langsung keterangan menunjukkan perayu ada menerima wang hasil dari persundalan SP1. Oleh itu, bagaimana mahkamah boleh memutuskan perayu ada hubung kait dengan persundalan SP1.

[27] Walau bagaimanapun, mahkamah amati bahawa keterangan SP1 telah menjelaskan bahawa perayu adalah orang yang bertanggungjawab mengurusnya di mana SP1 mengesahkan tidak boleh keluar rumah tanpa kebenaran perayu. Kunci rumah dipegang oleh perayu dan pasport SP1 juga dalam simpanan perayu. Perayulah yang menyediakan kenderaan dan pemandu untuk SP1. Sekaligus, pergerakan SP1 adalah di bawah kawalan perayu. Malahan, SP1 juga telah mengakui perayu yang memberinya kerja di 'Sakura Pub' di mana antara kerjanya adalah sebagai pelacur. Hubungan SP1 dengan perayu adalah 'tauke' dan 'anak buah'. Berkenaan tempat hubungan seksual diadakan, ianya bukanlah intipati/elemen pertuduhan. Keterangan SP1 ini mencukupi menunjukkan bahawa perayu telah bertindak sebagai orang tengah. Responden merujuk kepada kes di bawah s. 372(1)(f) Kanun Keseksaan iaitu *PP lwn. Lee Chee Kein* [2007] 10 CLJ 465 adalah diputuskan seperti berikut:

> [4] Responden telah dibuktikan menjadi jaga terhadap rumah yang beralamat seperti dalam pertuduhan. Rumah itu telah digunakan untuk menempatkan pelacur-pelacur, antaranya SP1, SP3 dan SP4. Ketiga-tiga saksi pendakwaan ini telah memberi keterangan bahawa mereka telah dikurung di rumah tersebut dan responden telah ditugaskan membawa mereka untuk berjumpa dengan pelanggan-pelanggan bagi tujuan pelacuran. Responden juga telah memberi mereka makanan, dua kali sehari.
>
> [5] SP1 dalam keterangannya menyatakan bahawa dia telah dinasihati oleh kawan-kawanya agar jangan cuba melarikan diri sebab jika ditangkap, dia akan dipukul. SP1 dan SP4 juga menyatakan bahawa Responden memegang kunci rumah tersebut dan mengawal gerak geri pelacur-pelacur yang tinggal di situ.
>
> [6] Hakim bicara (HMS) telah menolak pembelaan responden yang pada amya telah menafikan dakwaan bahawa dia terlibat dalam kegiatan mengawal dan mengurung mangsa dalam rumah tersebut bagi tujuan pelacuran. HMS berpendapat bahawa pembelaan responden hanya satu penafian kosong.

[28] Berkenaan wang pelacuran pula peguambela perayu menghujahkan tiada keterangan yang dapat membuktikan perkara ini. Tetapi dalam keadaan sedemikian hendaklah dirujuk kepada s. 372(3) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan seperti berikut:

> In this section and in section 372A and 372B, "prostitution" means the act of a person offering that person's body for sexual gratification for hire whether in money or in kind; and "prostitute" shall be constructed accordingly.

[29] Oleh demikian mahkamah memutuskan bahawa perayu yang telah memberi tempat tinggal, makan dan minum, pengangkutan serta pemandu dan pekerjaan di 'Sakura Pub' kepada SP1 tanpa bayaran adalah tergolong di dalam elemen 'in kind'. Justeru, isu wang pelacuran yang dibangkitkan oleh perayu adalah tidak timbul lagi dan meleset sama sekali.

Keputusan Mahkamah

[30] Selepas memberi pertimbangan dan menghalusi keterangan yang ada berdasarkan rekod rayuan serta alasan penghakiman Hakim Mahkamah Sesyen, maka mahkamah berpuas hati tiada kekhilafan dalam keputusan mensabitkan perayu. Begitu juga hukuman oleh Mahkamah Sesyen adalah tidak ekseksif dan ianya adalah wajar memandangkan kedua-dua fakta mitigasi dan fakta yang boleh memberatkan hukuman telahpun diberi pertimbangan secukupnya.

[31] Dengan itu, mahkamah memutuskan rayuan perayu ditolak dan sabitan serta hukuman Hakim Mahkamah Sesyen dikenakan ke atas perayu adalah dikekalkan.